

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(91)  
Tarikh : 18 Jun 2023

## KENYATAAN MEDIA

### **PAMERAN *PENANG HILL RAILWAY: A CENTENARY CELEBRATION* (1923 – 2023)**

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) berbesar hati mengumumkan penganjuran **Pameran *Penang Hill Railway: A Centenary Celebration (1923-2023)*** sempena Sambutan Ulang Tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera yang ikonik. Pameran ini akan mempamerkan sejarah funikular dan akan menarik perhatian pengunjung dengan perjalanan yang luar biasa sepanjang abad yang lalu.

Pameran akan diadakan di dua lokasi di Pulau Pinang iaitu **Sunway Carnival Mall (Pintu Masuk Tingkat UG) dari 15 – 18 Jun 2023** dan pameran kedua di **Gurney Plaza (Extension Wing, Aras Bawah) dari 22 – 25 Jun 2023**.

Semasa pameran ini, pengunjung akan berpeluang mempelajari dan melihat kisah-kisah luar biasa, gambar arkib dan rekod yang menceritakan perkembangan dan evolusi sistem Funikular Bukit Bendera. Sejak dibuka pada 21 Oktober 1923 sehingga hari ini, Funikular Bukit Bendera merupakan mercu tanda berusia satu abad yang telah memainkan peranan penting dalam transformasi sosio-ekonomi Bukit Bendera dan kawasan sekitarnya.

Kedua-dua pameran akan menampilkan panel bermaklumat dan paparan tiga generasi funicular yang mempamerkan evolusi keajaiban kejuruteraan. Pameran ini akan membolehkan pengunjung menyelami sejarah dan keajaiban kejuruteraan salah satu terowong paling curam di dunia yang dibina sejak seabad lalu; **Funikular Bukit Bendera**.

Bermula dengan kereta api percubaan pertama sehingga ke fasa pembinaan funikular, pameran ini akan membawa pengunjung kembali ke masa lalu melalui terowong masa sehingga tempoh 100 tahun yang lalu sebagai penghargaan kepada cabaran, kesusahan dan keringat dicurahkan sepanjang proses pembinaan funikular ikonik ini.

Terdari daripada 20 panel, pameran ini menawarkan naratif yang merangkumi semua aspek Funikular Bukit Bendera. Ia akan memberi penerangan tentang konsep pembinaan funikular, kepentingan sejarah Bukit Bendera sebagai tempat percutian digemari British yang ingin berehat daripada iklim tropika dan peranannya sebagai pusat pemerhati .

Tambahan lagi, pameran ini akan mempamerkan kisah-kisah menarik dan menonjolkan sumbangan penting personaliti sejarah yang memainkan peranan penting dalam pembangunan funikular sejak proses pembinaannya. Ia juga menceritakan bagaimana pencapaian luar biasa ini dapat dicapai melalui usaha jurutera A.R. Johnson, yang dilantik oleh Persekutuan Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk meneruskan

projek funikular pada tahun 1909 selepas percubaan awal oleh Penang Hills Railway Co. Ltd telah gagal.

Pameran ini juga mengisahkan pembukaan rasmi funikular dan mempamerkan evolusi sistem funikular yang melalui perubahan dari generasi kedua ke generasi ketiga, menandakan satu peristiwa penting bagi sejarah Funikular Bukit Bendera yang telah membawa lebih 47 juta pengunjung.

Berubah daripada mod pengangkutan semata-mata, keajaiban kejuruteraan yang luar biasa ini telah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan yang popular, menawarkan pengunjung peluang untuk melihat pemandangan yang menakjubkan dan warisan Bukit Bendera.

PBBPP mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk mengunjungi Pameran *Penang Hill Railway: A Centenary Celebration (1923 - 2023)* di Sunway Carnival Mall dan Gurney Plaza. Pameran ini merupakan platform terbaik untuk orang ramai dari pelbagai lapisan masyarakat bagi melihat dan mengetahui kekayaan warisan Bukit Bendera dan funikularnya yang ikonik.

Bagi mereka yang tidak sabar untuk menerokai sejarah dan keindahan mercu tanda ikonik ini, pastikan anda mengunjungi Penang Hill Gallery@Edgecliff, tempat yang wajib dikunjungi untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Bukit Bendera. Galeri ini mempunyai empat ruangan, setiap satu bertemakan: Funikular, Warisan, Budaya dan Biodiversiti. Ia memberikan pandangan, merangkumi projek perintis Funikular Bukit Bendera yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara, bersama dengan biodiversiti semula jadi dan aset warisannya.

Bukit Bendera dan kawasan sekelilingnya telah diumumkan secara rasmi sebagai Rizab Biosfera Bukit Bendera di bawah Program Manusia dan Biosfera (MAB) UNESCO pada 15 September 2021. Pengiktirafan berprestij ini menambah satu lagi penghargaan kepada Bukit Bendera. Ia menunjukkan kepentingan memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi yang unik, alam semula jadi dan warisan sejarahnya untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

Selain itu, buku *"The Great Hill: A Short History of Penang Hill"* yang dikarang oleh Enzo Sim, adalah sumber yang disyorkan dan mudah dibaca bagi mereka yang berminat untuk menerokai kekayaan warisan Bukit Bendera. Buku ini boleh dibeli di **Kedai Cenderamata Bukit Bendera dan Penang Institute**.

PBBPP juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penyumbang dan rakan kongsi yang telah menjayakan pameran ini. Sokongan dan dedikasi yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat telah membolehkan pengunjung menghargai warisan dan kepentingan satu-satunya funikular ikonik di Malaysia.

Ikuti Bukit Bendera di media sosial untuk mengetahui berita dan maklumat terkini atau layari [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my).

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini

## Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wlim@penanghill.gov.my](mailto:wlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)